

2 MAR 1996

Vietnam-Mahathir

VIETNAM TIDAK SABAR MENUNGGU KEDATANGAN DR MAHATHIR

Oleh: Michael Raj

BANGKOK, 2 Mac (Bernama) -- Vietnam tidak sabar menunggu ketibaan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu depan dengan harapan ia akan mendorong hubungan antara kedua-dua negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Nguyen Trung, Pembantu kepada Perdana Menteri Vietnam Vo Van Kiet, memberitahu Bernama di sini bahawa lawatan Dr Mahathir, yang kedua sejak 1992 akan mempererat lagi hubungan baik yang kini terjalin di antara Kuala Lumpur dan Hanoi.

"Apa yang kita harapkan ialah hubungan yang lebih kukuh sama ada dalam bidang sosial, politik atau ekonomi," katanya semasa ditemui pada hari kedua Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di sini.

Trung, seorang daripada anggota perwakilan Vietnam ke ASEM, berkata sejak kemasukan rasmi negara itu ke dalam Asean di Mesyuarat Menteri-menteri Asean di Brunei tahun lepas, Kiet berminat untuk mengeratkan hubungan dengan semua ketua-ketua negara Asean.

Semasa ditanya mengenai pelaburan Malaysia di Vietnam, Trung berkata Kiet gembira dengan kemasukan banyak pelabur ke negara itu kerana dalam proses itu ia banyak membantu pembinaan semula ekonomi Vietnam.

Beliau berkata banyak pelabur asing bersaing dalam pelaburan di Vietnam dan disebabkan itu amat penting bagi para pelabur Malaysia untuk lebih agresif supaya mereka tidak ketinggalan dalam merebut peluang di sana.

Vietnam, katanya memerlukan pelaburan yang lebih besar untuk mempercepatkan pelaksanaan satu pasaran akeonomi.

Ini akan menempatkan negara itu lebih selesa dalam mematuhi Kawasan Dagangan Bebas Asean (AFTA), di mana Vietnam, yang dimaklumi masih ketinggalan dari segi ekonomi berbanding negara-negara Asean lain, telah diberikan tempoh sesuai untuk seiring dengan negara-negara anggota Asean lain.

Negara-negara Asean lain telah komited untuk mengambil langkah membuka pasaran termasuk pengurangan tarif, ke arah mewujudkan satu pasaran tunggal menjelang tahun 2008.

Mengulas sebarang perjanjian yang dijangkakan akan ditandatangani antara Malaysia dan Vietnam semasa lawatan Dr Mahathir, Trung berkata tiada sebarang perjanjian rasmi akan ditandatangani tetapi Dr Mahathir akan menyaksikan beberapa pakatan sektor swasta diadakan. -- BERNAMA

MR RON